Meor Safizal bin Meor Mohamad Amin & Ors lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH TINGGI (TAIPING) — RAYUAN JENAYAH NO 42S-19-9 TAHUN 2013, 42S-20-9 TAHUN 2013, 42S(A)-1 -9 TAHUN 2013 & 42S-21-9 TAHUN 2013
AHMAD NASFY H
11 OGOS 2014

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Tertuduh-tertuduh disabitkan atas kesalahan di bawah s 145 Kanun Keseksaan di mahkamah sesyen — Tertuduh-tertuduh dijatuhkan hukuman penjara dua tahun jika gagal RM5,000 — Sama ada kesemua tertuduh bersalah — Sama ada inti pati-inti pati pertuduhan dipenuhi

Berikutan satu perhimpunan yang diadakan menentang pelaksanaan undang-undang iaitu upacara mengangkat sumpah pelantikan Menteri Besar Perak di Istana Bukit Chandan, perayu-perayu/tertuduh-tertuduh ('OKT-OKT') telah didapati bersalah dan disabitkan di bawah s 145 Kanun Keseksaan oleh hakim mahkamah sesyen ('HMS') dan masing-masing dijatuhkan hukuman penjara dua tahun dan denda RM5,000 jika gagal bayar di penjara lima bulan. Terkilan dengan keputusan tersebut, kesemua 13 OKT menfailkan rayuan atas sabitan dan hukuman. Inti pati pertuduhan dibawah s 145 Kanun Keseksaan yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan adalah sama ada kesemua OKT telah menyertai perhimpunan yang menyalahi undang-undang; sama ada mereka menentang satu proses perundangan; sama ada mereka mengetahui perhimpunan tersebut telah diarahkan untuk bersurai mengikut kaedah undang-undang.

Diputuskan, membenarkan rayuan terhadap hukuman dan mengenepikan rayuan:

(1) Tiada secebis keterangan pun yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan berkenaan penglibatan OKT9 dalam perhimpunan haram. Jika dirujuk alasan penghakiman HMS, OKT9 dikatakan sedang berlindung di belakang pokok di atas bukit semasa ditangkap. Alasan tangkapan hanyalah atas syak OKT9 membaling batu. Inferen kebersalahan OKT9 membaling batu berdasarkan dia meronta apabila ditangkap tidak boleh bertahan tanpa ada keterangan yang kukuh berkenaannya. Pihak pendakwaan telah gagal membuktikan satu kes prima facie ke atas OKT9 dan oleh itu OKT9 dilepas dan dibebaskan (lihat perenggan 23).

(2) OKT2, OKT3, OKT4, OKT5, OKT6, OKT8, OKT10, OKT11, OKT12 dan OKT13 ('semua OKT tersebut') gagal menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan dan pembelaan mereka hanyalah penafian semata-mata. Justeru semua OKT tersebut didapati bersalah dan disabitkan. Keterangan lisan dan gambar-gambar serta rakaman video jelas membuktikan bahawa semua OKT tersebut yang melebihi lima orang telah terlibat dalam perhimpunan dan terus berada dalam perhimpunan tersebut walaupun setelah diarahkan untuk bersurai. HMS telah membuat dapatan fakta yang tepat berkaitan tujuan bersama semua OKT tersebut untuk menentang suatu perlaksanaan undang-undang iaitu upacara mengangkat sumpah pelantikan Menteri Besar Perak di Istana Bukit Chandan jam 3 petang (lihat perenggan-perenggan 24 & 25).

(3) Penjelasan semua OKT tersebut tidak munasabah memandangkan alasan tersebut diikuti dengan perlakuan seperti menjerit, melaungkan takbir, merempuh, menghalang kenderaan, mengetuk kenderaan, menggenggam penumbuk, bersikap agresif dan mencangkung di hadapan kereta. Ditambah lagi mereka membawa sepanduk, bendera, kamera, walkie talkie, pelilit kepala yang menunjukkan mereka telah membuat persediaan untuk menyertai perhimpunan tersebut (lihat perenggan 28).

(4) Mahkamah telah mempertimbangkan fakta dan berpendapat bahawa perhimpunan yang menyalahi undang-undang tersebut bukan sahaja disertai oleh semua OKT tersebut tetapi juga lebih daripada 1,000 orang lain terlibat. Tiada secebis keterangan pun menunjukkan bahawa semua OKT melakukan keganasan atau menyebabkan kerosakan harta awam. Mahkamah memutuskan untuk mengetepikan hukuman dua tahun penjara tetapi mengekalkan hukuman denda yang dijatuhkan oleh HMS (lihat perenggan 41).

[English summary

Following an assembly carried out to oppose the execution of laws, namely, the swearing in ceremony of the Menteri Besar Perak in Istana Bukit Chandan, the appellants/accused persons were found guilty and convicted under s 145 of the Penal Code by the sessions court judge ('SCJ') and they were sentenced to imprisonment of two years and fine of RM5,000 failing which five years imprisonment. Aggrieved by the said decision, the 13 accused persons filed appeals against their convictions and sentences. The ingredients of the offence which must be established by the prosecution were whether all the accused persons had joined the assembly which was in contravention of the law; whether they opposed a legal process; and whether they knew that the assembly was ordered to be dispersed through legal means.

Held, allowing the appeal against sentence and setting aside the appeal:

(1) There was not an iota of evidence adduced by the prosecution relating the involvement of OKT9 in the illegal assembly. Referring to the grounds of judgment of the SCJ, OKT9 was said to have been hiding behind a tree on a hill when he was arrested. The reason of his arrest was based on the suspicion that OKT9 had thrown a stone. The inference of guilt of OKT9 throwing a stone was based on the evidence that he had put up a struggle when he was caught could not hold water without any concrete evidence against him. The prosecution failed to establish a prima facie case against OKT9 and hence, OKT9 was acquitted and discharged (see para 23).

(2) OKT2, OKT3, OKT4, OKT5, OKT6, OKT8, OKT10, OKT12 and OKT13 ('all the accused persons') failed to raise a reasonable doubt on the case against the prosecution and their defence was mere denial. Hence, all the accused persons were found guilty and convicted. Oral evidence, pictures and video recordings clearly showed that all the accused persons had exceeded five persons in the assembly and were continuously present during the assembly even though they were ordered to disperse. The SCJ made an accurate finding of fact on the common intention of all the accused persons to oppose an execution of law which was the swearing in ceremony of the Menteri Besar Perak at Istana Bukit Chandan at 3pm (see paras 24 & 25).

(3) The explanations proffered by all the accused persons were unreasonable since their reasonings were followed by acts like shouting, reciting the '*takbir*' out loud, crashing, getting in the way of cars, knocking on vehicles, balling up their hands into fists, acting aggressively and squatting in front of cars. In addition to that, they carried banners, flags, cameras, walkie talkies, bandannas showing that they were preparing to join the said assembly (see para 28).

(4) The court considered the facts and opined that the assembly was in contravention of the law and it was not only joined by all the accused persons but more than 1,000 people were involved. There was not an iota of evidence to show that all the accused persons committed violence or caused damage to public property. The court decided to set aside the sentence of two years' imprisonment but maintained the fine sentenced by the SCJ (see para 41).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai rayuan terhadap sabitan dan hukuman, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2014 Reissue) perenggan-perengggan 288–371.

Kes-kes yang dirujuk

Fam Meng Siong & Anor v PP [2012] 5 MLJ 464, MR (dirujuk)
Francis & Anor v PP [1960] 1 MLJ 40; [1959] 1 LNS 28, MR (dirujuk)

Gunalan a/l Ramachandran & Ors v PP [2006] 2 MLJ 197, MP (dirujuk)
Leken @ Delem ak Gerik (M) v PP [2007] 3 MLJ 730; [2007] 3 AMR 230,MT (dirujuk)
PP v Chong Boo See [1988] 3 MLJ 292; [1988] 2 CLJ 206, MT (dirujuk)
PP v Jafa bin Daud [1981] 1 MLJ 315 (dirujuk)
PP v Lim Hong Chin [1993] 3 MLJ 736, MT (dirujuk)
PP v Saimin & Ors [1971] 2 MLJ 16; [1971] 1 LNS 115 (dirujuk)
PP v Wan Razali Kassim [1970] 2 MLJ 79 (dirujuk)
R v Ball Crim LR 730, CA (dirujuk)
Shanmugam v PP [1963] 1 MLJ 125; [1962] 1 LNS 186 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Polis 1967 s 27(4)
Kanun Keseksaan ss 141, 143, 145, 149
Kanun Tatacara Jenayah ss 156, 294, 422
Perlembagaan Persekutuan perkara 10(b)

Masri (Pendakwa Raya Kamar Peguam Negara) bagi pihak pendakwaan.
Aminudin (Amin Amirul & Partners) bagi pihak perayu-perayu pertama sehingga ke-12
Charan (Nurul & Charan) bagi pihak perayu ke-13.

Ahmad Nasfy H:

RAYUAN

[1] Perayu-perayu/tertuduh-tertuduh ('OKT-OKT') telah didapati bersalah dan disabitkan dibawah s 145Kanun Keseksaan oleh Puan Hakim Mahkamah Sesyen Kuala Kangsar ('Puan HMS') dan masing-masing dihukum penjara dua tahun dari tarikh jatuh hukum 13 September 2013 dan denda RM5,000 jika gagal bayar dipenjara lima bulan. Terkilan dengan keputusan tersebut semua 13 OKT telah menfailkan rayuan atas sabitan dan hukuman.

PERTUDUHAN

[2] Pertuduhan dibacakan seperti berikut:

(i) Pertuduhan kes 62-2 tahun 2009

Bahawa kamu bersama-sama pada 6 Februari 2009 di antara jam lebih kurang 2.30 dan 3.30 petang di kawasan Jalan Istana, Bukit Chandan, di dalam Daerah Kuala Kangsar dalam Negeri Perak Darul Ridzuan, telah terus menyertai perhimpunan yang menyalahi undang-undang iaitu menentang satu proses perundangan upacara perlantikan dan mengangkat sumpah jawatan Menteri Besar Perak Darul Ridzuan di bawah Perkara XVI (2) (a) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perak Darul Ridzuan dengan mengetahui perhimpunan

tersebut telah diarahkan untuk bersurai mengikut kaedah undang-undang dan dengan itu kamu telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 145 Kanun Keseksaan (Akta 574).

(ii) Pertuduhan Kes 62-7 tahun 2009

Bahawa kamu bersama-sama dengan 9 orang lain yang telah dituduh di dalam kes MSKK 62-02-2009, pada 6 Februari 2009 di antara jam lebih kurang 2.30 petang dan 3.30 petang, di kawasan Jalan Istana, Bukit Chandan, di dalam Daerah Kuala Kangsar di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan, telah terus menyertai perhimpunan yang menyalahi undang-undang iaitu menentang satu proses perundangan upacara perlantikan dan mengangkat sumpah jawatan Menteri Besar Perak Darul Ridzuan di bawah Perkara XVI (2)(a) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perak Darul Ridzuan dengan mengetahui perhimpunan tersebut telah diarahkan untuk bersurai mengikut kaedah undang-undang dan dengan itu kamu telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 145 Kanun keseksaan (Akta 574).

(iii) Pertuduhan kes 61-1 tahun 2009

Bahawa kamu bersama-sama dengan 9 orang lain yang telah dituduh di dalam kes MSKK 62-02-2009, pada 6 Februari 2009 di antara jam lebih kurang 2.30 petang dan 3.30 petang, di kawasan Jalan Istana, Bukti Chandan, di dalam Daerah Kuala Kangsar, di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan, telah terus menyertai perhimpunan yang menyalahi undang-undang iaitu menentang satu proses perundangan upacara perlantikan dan mengangkat sumpah jawatan Menteri Besar Perak Darul Ridzuan di bawah Perkara XVI (2(a) (Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perak Darul Ridzuan dengan mengetahui perhimpunan tersebut telah diarahkan untuk bersurai mengikut kaedah undang-undang dan dengan itu kamu telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 145 Kanun Keseksaan (Akta 574).

FAKTA KES PENDAKWAAN

[3] Dalam ketiga-tiga kes yang dibicarakan bersama, fakta kes boleh diringkaskan seperti berikut:

(a) Pada 6 Februari 2009, hari Jumaat, seramai 13 orang saksi yang merupakan jurufoto polis telah diarahkan oleh Ketua Inspektor Ghazali (Ketua Unit Bahagian Foto Bukit Aman) untuk merakamkan gambar perhimpunan dihadapan masjid Ubudiah dan istana di Kuala Kangsar. Mereka adalah SP1 (Jurufoto IPD Manjung), SP2 (Jurufoto IPD Hilir Perak), SP3 (Jurufoto IPD Manjung), SP4 (Jurufoto IPD Tapah), SP5 (Jurufoto Bukit Aman), SP6 (Jurufoto IPD Gerik), SP7 (Jurufoto IPK Ipoh), SP8 (Jurufoto Bukti Aman), SP9 (Jurufoto Bukit Aman), SP10 (Jurufoto IPK Perak), SP11 (Jurufoto IPD Batu Gajah), SP12 (Jurufoto IPD Manjung), dan SP13 (Jurufoto IPK Perak).

(b) SP1 berada dipintu bulatan pekan Kuala Kangsar jam 10.30 pagi. Gambar-gambar yang dirakamkan ialah eksh P2 (1)–(36). SP1 telah camkan OKT10 yang memegang bendera, OKT2 berbaju hijau berkain pelikat, OKT7, OKT1 dan OKT4 ditengkuk mereka terdapat kain warna putih.

(c) SP2 yang sembahyang Jumaat di masjid Ubudiah pukul 1 petang telah mengambil gambar sebelum dan selepas sembahyang yang dikemukakan sebagai eksh P3(1)–(36), P4(1)–(36), P5 (1)–(36), P6 (1)–(36) dan P7 (1)–(12). SP2 camkan OKT10 yang memakai vest hitam dan dikepala memakai serban, OKT2 dan OKT11. Semua gambar-gambar dirakamkan dipekarangan masjid dan berdekatan masjid.

(d) SP3 berada dihadapan Masjid Ubudiah pukul 12 tengahari dan mula mengambil gambar jam 2.15 petang sepertimana eksh P8(1)–(36). SP3 camkan OKT12 sebagai seorang yang tunjuk agresif terhadap anggota polis macam hendak bertumbuk (rujuk gambar P8 (22)–(26). Gambar P8 (32) dan (33) menujukkan keadaan menjadi kelam kabut dan anggota polis melepaskan gas untuk menyuraikan orang ramai yang menuju ke istana. Manakala OKT11 dicamkan sedang menjerit-jerit sambil memegang bendera. Pada gambar P8(19)–(25) menunjukkan OKT1, 3, 8 dan 9 telah ditahan oleh anggota polis.

(e) SP4 berada di masjid Ubudiah lebih kurang jam 2.30 petang telah mengambil gambar dihadapan masjid tersebut sepertimana eksh P11(1)–(36). Gambar-gambar yang dirakam menfokuskan kepada kenderaan yang berhenti kerana ditahan oleh orang ramai. SP4 telah camkan OKT1, OKT2, OKT10 dan OKT12. Gambar P12 (1)–(3) menunjukkan orang ramai duduk di atas jalanraya untuk menghalang kenderaan supaya tidak bergerak.

(f) SP5 melihat perhimpunan di kawasan sekitar masjid dan mula berarak membawa sepanduk dan menghala ke istana sepertimana gambar yang dirakamkannya iaitu P14 (1)–(36), P15(1)–(37). SP5 telah camkan OKT1, OKT3, OKT10, OKT11 dan OKT12.

(g) SP6 mula merakamkan gambar disekitar masjid Ubudiah selepas tamat sembahyang Jumaat jam 2.30 petang. Ketika itu SP6 nampak perarakan beramai-ramai dengan membawa sepanduk sepertimana eksh P16(1)–(31), dan P17 (1)–(17). OKT12 dicamkan berketayap putih cuba merempuh sekatan polis dan OKT8 berada dibelakang OKT12.

(h) SP7 yang berada ditempat kejadian jam 1.30 petang. Ketika itu belum ada perhimpunan. Kemudian SP7 mengambil gambar P18(1)–(29) yang difokus dihadapan masjid selepas sembahyang Jumaat menunjukkan berlaku tolak menolak diantara polis dengan orang ramai yang berhimpun. OKT7 dicamkan melalui gambar P18(9).

(i) Keterangan saksi-saksi SP1 hingga SP7 bersama bukti gambar P1 hingga P18 telah disokong oleh keterangan SP8, SP9, SP10, SP11, SP12, SP13 yang semuanya ditugaskan mengambil gambar video perhimpunan.

(j) SP8 merakamkan gambar-gambar video mengandungi 61 frame pada paparan skrin televisyen ILCD sepertimana P19C yanq tertera waktu jam dan minit. Jam 2.40 petang OKT1 dan OKT10 dicamkan. Jam 3.09 petang OKT1 dicamkan sedang memukul belakang boot kereta dengan batang bendera. Jam 2.47 petang, OKT5 dicamkan membawa kamera, jam 3.03 petang dicamkan OKT8 dan OKT13 dan jam 3.11 petang OKT13 duduk dihadapan kereta. Jam 2.19 petang orang ramai mula melaungkan 'Allah Akbar', 'Hidup Rakyat' dan 'Hidup-Hidup' diperkarangan masjid. OKT12 dicamkan jam 2.15 petang sedang menghalang orang dihadapan.

(k) SP9 merakamkan video eksh P20C dan telah camkan OKT6 dan OKT12 jam 2.22 petang. Jam 2.24 petang OKT13 dicamkan, jam 2.30 petang OKT11 dicamkan sedang memegang kain rentang hijau, jam 3.06 OKT9 dicamkan, jam 3.08 petang OKT8 dicamkan dan jam 3.09 petang OKT5 dicamkan. Jam 2.25 petang SP9 mendengar tembakan dan melihat gas pemedih mata dilepaskan. Pada jam 2.37 petang loceng kenderaan FRU berbunyi. SP9 tidak mendengar arahan bersurai sebelum gas pemedih mata dilepaskan.

(l) SP10 yang merakamkan video eksh P21C dan P22C menjelaskan paparan jam 2.15 petang menunjukkan orang ramai mula keluar daripada masjid dan jam 2.23 petang mereka bergerak beramai-ramai hendak menuju ke istana. Jam 2.25 petang pasukan simpanan menahan pergerakan tersebut. Jam 2.32 petang kumpulan orang ramai menghalang kenderaan yang hendak menuju ke istana. Jam 2.35 petang OKT11 dicamkan. Jam 2.36 petang OKT10 dicamkan, jam 3.08 petang OKT9 dicamkan, jam 3.20 petang OKT10 dicamkan. Selepas perarakan tersebut tidak dapat dileraikan pihak polis telah menembak gas pemedih mata. Ketika itu tiada kedengaran arahan bersurai.

(m) SP11 yang merakamkan video eksh P23C menjelaskan bahawa pada jam 3.11 petang OKT9 ditangkap dan juga camkan OKT9 dan OKT12. OKT13 pula dicamkan memberi arahan bersurai kepada orang ramai. Jam 3.25 petang SP11 mendengar pegawai FRU memberi masa lima minit untuk bersurai.

(n) SP12 telah merakamkan video eksh 24C menyatakan bahawa pada jam 2.24 petang–2.25 petang oang ramai berkumpul dihadapan luar masjid memegang sepanduk dan kain rentang. Jam 2.25 petang OKT4 dicamkan, jam 2.27 petang OKT6 dicamkan. Suasana menjadi kelam kabut pada jam 2.28 petang apabila orang ramai berlari menuju kearah istana. Jam 2.38 petang, SP12 mendengar perkataan bersurai serta merta

daripada atas kenderaan polis diikuti 2–3 kali bunyi loceng dan tembakan gas pemedih mata. Jam 3.12 petang OKT8 yang memakai serban, OKT5 memakai kopiah dan memegang kamera dicamkan. Pada masa yang sama OKT9 ditangkap. Jam 3.14 dicamkan OKT12 yang memakai kopiah dan vest dicamkan. Jam 3.15 OKT3 ditangkap. Jam 2.37 petang SP12 mendengar anggota polis di atas trak mengarahkan orang ramai segera bersurai serta merta atau disuraikan dengan kekerasan.

(o) SP13 telah merakamkan gambar P3(15) yang merujuk kepada kereta Kerajaan Negeri Perak AFT 74 telah pecah cermin dan terdapat sebiji batu di atas kotak gear. Kereta tersebut dipandu oleh SP14 yang mengiringi kereta Raja DiHilir Perak ke majlis mengangkat sumpah Menteri Besar Perak di Istana Iskandariah Kuala Kangsar.

(p) Keterangan saksi-saksi SP14, SP15, SP16, SP17, SP18 pula menjelaskan keadaan ketegangan yang berlaku diantara orang ramai dengan anggota polis di jalanraya menghala ke istana. Orang ramai bertindak agresif membaling batu dan objek-objek lain sehingga menyebabkan SP15 mengalami kecederaan sepertimana laporan perubatan P30. Turut cedera SP20. Keadaan semakin meruncing apabila orang ramai enggan bersurai dan tembakan gas pemedih mata dilepaskan kearah kumpulan yang menghalang kereta yang membawa Raja Muda Perak. Keterangan ini turut disokong oleh SP26, SP30, SP31, SP32, SP33, SP34, SP35, SP36, SP37 dan SP38.

(q) SP25, ketua penolong SUK, Pejabat SUK Perak mengesahkan bahawa pada 6 Februari 2009 majlis perlantikan dan mengangkat sumpah jawatan Menteri Besar Perak diadakan sepertimana kad jemputan P37.

(r) SP39, bertindak sebagai pegawai penyiasat bagi ketiga-tiga kes ini pada 6 Februari 2009 telah menerima sembilan orang tangkapan daripada Insp Azrul kemudian dicamkan sebagai OKT1, OKT2, OKT3, OKT4, OKT5, OKT6, OKT7, OKT8 dan OKT9. Tiga lagi tangkapan iaitu OKT10, OKT11, OKT12 juga ditangkap pada hari yang sama. Manakala OKT13 ditangkap oleh SP39 di pejabat Jenayah IPD Kuala Kangsar. Repot tangkapan dikemukakan sebagai eksh P59. SP39 juga telah menerima semua eksibit-eksibit gambar yang diambil daripada tujuh jurufoto dan camkan semua OKT melalui eksibit-eksibit tersebut. Selain SP39 juga telah menerima salinan DVD pada 6 Februari 2009 untuk tujuan pengecaman oleh kelima juruvideo ke atas suspek-suspek yang terlibat dalam perhimpunan tersebut. Semua 13 OKT akhirnya dituduh di Mahkamah Sesyen Kuala Kangsar atas pertuduhan di bawah s 145 Kanun Keseksaan.

[4] Setelah meneliti keseluruhan keterangan 39 orang saksi serta eksibit-eksibit yang dikemukakan, Puan HMS memutuskan bahawa pihak

pendakwaan telah membuktikan kes prima facie ke atas ketiga-tiga pertuduhan tersebut. Seterusnya memanggil kesemua 13 OKT memberi keterangan membela diri.

KES PEMBELAAN

[5] SD1, Suhana bt Abdullah (OKT2 kes 62-7 tahun 2009) pekerja am di masjid Ubudiah memberitahu pada 6 Februari 2009, beliau bekerja pada pukul 8 pagi hingga 4 petang. Pada hari tersebut beliau tidak boleh masuk membuat kerja di dalam masjid kerana orang ramai berkumpul di dalam dan diluar masjid. Seterusnya beliau tidak menafikan berada dalam kumpulan perhimpunan atas alasan tidak boleh berfikir dengan waras dan tenang dan berlari kearah yang selamat iaitu tempat orang ramai berkumpul. SD1 tidak menafikan bahawa identiti pada eksibit-eksibit P7, P14, P15, P25, P28 adalah beliau. Menurutnya beliau mengambil bendera PAS adalah sebagai pelindung daripada gas pemedih mata. Tindakannya menjerit kerana marahkan keadaan kucar kacir yang menghalangnya bekerja. SD1 juga mengakui berada dalam kumpulan orang berarak dan ikut sekali berarak (rujuk eksh P97, P15, P28, P16, P18 dan P32 menunjukkan SD1 berada dalam perhimpunan tersebut). Beliau menjerit kearah polis dan ditangannya memegang bendera dan banner yang tertulis 'Hanya Tuanku boleh kekal kerajaan tanpa rasuah'.

[6] SD2 Idris OKT9 (Kes 62-2 tahun 2009) seorang warganegara Indonesia memberitahu pada 6 Februari 2009 beliau menunaikan solat Jumaat di Masjid Ubudiah. Selepas keluar dari masjid beliau mulanya berjalan kearah jalan makam DiRaja. Kemudian menuruni bukit dan melihat orang ramai dihadapan jalanraya. Selepas itu SD2 berpatah balik ke parkir kereta sekitar masjid kerana tidak tahan dengan asap gas pemedih mata. Beliau berlindung dibelakang pokok lebih kurang 15 minit. SP35 daripada bawah naik ke atas dan menangkap OKT2 atas alasan SD2 membaling batu. SD2 menyatakan beliau tidak tahu apa-apa upacara di istana atau mengetahui perhimpunan yang disertainya haram. Juga tidak mendengar mana-mana orang menyuruhnya bersurai.

[7] SD3 Zulhaizam (OKT3 dalam 62-2 tahun 2009) OKT3 menyatakan pada 6 Februari 2009 beliau bertolak dari Kuala Lumpur bersama empat orang kawan untuk balik bercuti di Taiping. Mereka singgah solat Jumaat di Masjid Ubudiah. Apabila sampai di masjid, SD3 tidak sempat solat Jumaat dan keadaan orang ramai luar biasa disekitar masjid. Beliau menyaksikan orang yang berkumpul dalam keadaan riuh rendah selama 30 minit dan ketika itu beliau berada di gerai minum. SD3 berada disitu sehingga gas pemedih mata dilepaskan. Kemudian membantu orang-orang yang terkena gas tersebut dengan memberi air garam dan air. Setelah keadaan kembali tenang beliau hendak kembali ke kereta. Dalam perjalanan tersebut beiiau membantu

A seorang tua yang kena pukul di atas jalan tetapi beliau turut dipukul dan digari. SD3 menafikan terlibat dalam perhimpunan itu dan tidak mengetahui tujuannya diadakan.

B **[8]** SD4 Mohammad Nazeer, OKT10 (OKT1 dalam 62-7 tahun 2009) menyatakan pada 6 Februari 2009, beliau berada di Kuala Kangsar bersama SD5 untuk membantu sahabatnya menyerahkan wang kepada anak perempuannya di Kolej Darul Quran Kuala Kangsar. SD4 kemudiannya pergi menunaikan solat Jumaat di Masjid Ubudiah. Pada hari itu terdapat orang ramai yang luar biasa dan kawalan polis. Semasa menuju ke kereta untuk balik
C ke rumah beliau dapati tidak boleh keluar kerana sekatan polis. Kemudian SD4 berada dalam kumpulan perhimpunan. SD4 mengakui beliaulah lelaki yang terbaring ditengah jalan raya dengan memegang bendera sepertimana ditunjukkan dalam eksh P11 (27), P11 (32) dan P11 (33) di mana SD4
D bersama kumpulan memegang sebatang kayu yang mempunyai bendera.

[9] SD6 Meor Safizal (OKT1 kes 62-2 tahun 2009) menyatakan pada 6 Februari 2009 telah pergi ke Masjid Ubudiah untuk solat Jumaat dan solat hajat. Selepas solat beliau hendak balik dan berada dalam kumpulan yang
E bertembung dengan pasukan FRU. SD6 bertanya kepada orang disitu, dan diberitahu ada demonstrasi bubar DUN. Kemudian SD6 mengikut kaki melangkah. Ketika itu beliau terkena gas pemedih mata tetapi masih mundar mandir ditepi jalan sehingga ditangkap di simpang ke kampung ditepi masjid. Gambar-gambar P11, P12, P13, P14, P11 (32), P11(35) jelas menujukkan
F SD6 berada di dalam perhimpunan walaupun selepas gas pemedih mata dilepaskan. SD6 menafikan telah merempuh polis tetapi rakaman P19C frame 14 menunjukkan beliau merempuh formasi FRU. SD6 menafikan terlibat dalam perhimpunan sebaliknya hanya memerhati kenderaan.

G **[10]** SD7 Mohd Faiz OKT2 (OKT2 dalam 62-2 tahun 2009) seorang pelajar Diploma Usuluddin menyatakan pada 6 Februari 2009 selepas tunai solat Jumaat tidak terus balik kerana tersekat ditengah kelompok orang awam dan berada ditengah-tengah kumpulan. Kemudian SD7 berkeliaran sekitar
H 200 meter daripada masjid termasuk di atas jalan. Ketika keadaan atas jalan raya kecoh dengan laungan orang ramai bubar DUN SD7 tidak terlibat dalam perarakan tetapi berada disitu untuk melihat kereta-kereta VIP yang lalu dihadapan masjid. Beliau tidak berjaya pulang setelah mendengar perkataan balik kerana ditangkap polis. SD7 sahkan gambar-gambar dalam P2(3), P2(6),
I P12 (7), P11 (27), P11 (30) dan P11 (31) adalah dirinya. Eksibit P19C jelas kelihatan SD7 memegang banner dan cuba menenangkan keadaan. Menurutnya ada individu yang memintanya memegang banner. Eksibit P19C diframe 41 menunjukkan terdapat jaian balik kebelakang namun SD7 masih duduk disitu lebih kurang 3 petang.

[11] SD8 Yusof OKT7 (dalam kes 62-2 tahun 2009) menyatakan selepas keluar dari masjid untuk pulang telah terhalang dengan sekatan FRU. Beliau melihat seorang lelaki mendukung pelajar lelaki dan seterusnya SD7 bertindak membuka bajunya yang berwarna hijau muda yang dibasahkan untuk menyelamatkan budak lelaki tersebut. Selepas itu SD7 kembali ketempat dan kemudian ditangkap. Tiada siapa memberitahunya tentang perhimpunan haram.

Dirujuk gambar P21(22), P21(23), P21(25), P21(26) dan P13(2,3,4,5), P13(20, 21,22) dan P19C kelihatan kelibat berada di atas jalan besar dan tidak tahu kemana hendak pergi, tetapi berada bersama kumpulan tersebut dan kelihatan seorang budak lelaki dipapah. Menurut SD7, beliau berada di atas jalan raya untuk mencari baju hijau.

[12] SD9 Isha Ridhuan (OK4 dalam kes 62-2 tahun 2009) menyatakan beliau hendak balik ke Padang Rengas untuk ziarah emaknya yang sedang sakit. SD9 menukar seluar kepada kain untuk solat Jumaat. Selepas solat, SD9 terus ketempat letak kereta tetapi tidak sampai kerana orang ramai. Oleh kerana ingin tahu SD9 memakai seluar kembali dan mula membuat pemerhatian dari jarak jauh. Kemudian berada ditengah-tengah kumpulan orang ramai kerana rasa lebih selamat gambar P16(8) kelihatan SD9 memakai barret merah. Menurutnya beliau bekas anggota tentera. SD9 mundar mandir disitu sehingga ditangkap. Merujuk P19C kelihatan SD7 mengawal dan mententeramkan orang ramai yang emosional dan agresif. SD7 dari Unit Amal Malaysia juga menggantung wisel (P15(11), P15(12). SD7 bersetuju selepas keluar masjid terus bersama kumpulan bergerak ke istana dan berada di barisan hadapan.

[13] SD10, OKT10, Bat Latif (OKT5 dalam 62-2 tahun 2009) singgah di Masjid Ubudiah dalam perjalanan bercuti di kampung mertua di Alor Setar, Kedah bersama isteri singgah disitu untuk solat hajat dan munajat setelah dimesej oleh rakan-rakan blogger. Selepas itu SD10 merakam gambar dengan mengikut arus kumpulan pergerakan kearah istana. Apabila terkena gas pemedih mata SD10 masih ambil gambar. Kemudian beliau ditangkap di perkarangan letak kereta. Merujuk P19C kelihatan SD10 menjerit reformasi bersama kumpulan sambil mengangkat tangan ketangan isterinya, SD16 menyatakan tiada solat hajat dan munajat pada hari kejadian.

[14] SD11, Khairul Azmi, OKT12 (OKT3 dalam 62-7 tahun 2009) seorang guru Bahasa Inggeris bertolak dari Ipoh ke Kuala Kangsar pada 6 Februari 2009 untuk solat hajat di Masjid Ubudiah. SD11 menurunkan tandatangan pada sebidang kain putih di perkarangan masjid. Beliau masuk ditengah-tengah orang ramai dan bertembung dengan anggota polis di jalan persimpangan keluar masjid. SD11 menyatakan berada disitu sebagai

penenang. Beliau berlegar di dalam kumpulan orang ramai ditengah jalan sambil memegang garam untuk diberi kepada orang ramai. Apabila terkena gas pemedih mata beliau terpaksa bergerak kearah istana. Kemudian menghampiri kenderaan DiRaja untuk melihat identiti di dalam kereta tersebut dan merafak sembah. Merujuk P20C, SD11 menafikan berada dalam perhimpunan tetapi bersetuju beliau adalah peserta perhimpunan. Dalam P19C dan P11(33), P11(36), P16(11), P16(13), P18(22), P18(24), P18(25) dan P18(28) SD11 dilihat berada di atas jalan dan mengangkat tangan sambil bertakbir.

[15] SD12, Mohd Hasri, OKT3 (OKT1 dalam kes 62-1 tahun 2009) seorang guru di SMK Seri Manjung mengatakan berada di Kuala Kangsar untuk membantu ibunya berniaga di pasar mini halal. Kemudian beliau pergi ke Masjid Ubudiah untuk solat Jumaat. Selepas solat Jumaat SD12 keluar untuk mengambil kereta tetapi tersekat oleh orang ramai dan anggota polis lalu balik semula ke masjid. SD12 kemudian mengambil sikap tunggu dan lihat dan kekal di perkarangan masjid. Beliau berjumpa SP35 yang berteriak supaya bersurai dan berbincang dengan SP35 (eksh P19C). Gambar P11(19) dan P11(20) menunjukkan SD12 berada ditengah perhimpunan memegang banner. Gambar P12(1) dan P12(2) kelihatan SD12 duduk ditepi kereta di atas jalanraya. SD12 menyatakan tidak mengetahui tujuan perhimpunan tersebut.

[16] SD13, Mohamed Ismail, OKT8, menyatakan selepas solat Jumaat beliau tidak dapat pulang kerana motosikalnya dihalang oleh kenderaan lain. Ketika itu orang ramai sedang berdepan dengan FRU. Maka SD13 terpaksa mengikut arus orang ramai yang melaungkan takbir dan reformasi. Beliau berada disitu secara tidak sengaja tetapi tidak menafikan gambar P11(15), P11(16), P11(17) dan P11(18) beliau berada di atas jalan. Pada gambar P16(13) kelihatan SD13 menjerit ke arah FRU dihadapan. SD13 mendengar perkataan bersurai tetapi masih berada di sekitar kawasan tersebut. Merujuk eksh P8(5), P8(21), P8(24), P8(25), P8(26), P8(27), P8(28) dan P8(29) kelihatan SD12 dengan penuh agresif merempuh kepungan pihak FRU.

[17] SD14, Adi, OKT6 memberitahu pada 6 Februari 2009 ke Kuala Kangsar kerana berurusan dengan Kolej Islam di Kuala Kangsar. Kemudian ke Masjid Ubudiah untuk solat Jumaat. Selepas keluar masjid beliau menuju ke keretanya tetapi orang ramai dan beliau singah di gerai dan mengambil risalah pengikat kepala PAS, bendera PAS dan *key chain* PAS yang diedar disitu. Gambar P96 kelihatan bendera putih dibahu SD14 serta pengikat kepala di kepalanya. SDH berada di bahagian hadapan orang ramai dan ketika mendengar mereka bercakap tidak puas hati dan memohon tentang keamanan Negeri Perak. Selepas terkena gas pemedih mata pandangannya kabur tetapi masih nampak kaki orang ramai dan mengikut pergerakan kaki orang ramai mennhala ke istana gambar P9(9) menunjukkan SD14 bersama berhadapan

dengan FRU. Gambar P15(32) kelihatan SD14 memegang bendera bersama kumpulan.

ASAS RAYUAN

[18] Terdapat semuanya 33 asas rayuan yang boleh diringkaskan seperti berikut:

(a) HMS terkhilaf daripada sudut fakta bila mana memutuskan bahawa perbuatan-perbuatan penyediaan dan pembawaan sepanduk, bendera dan kain rentang, laungan takbir, rempuhan reformasi dan membaling batu telah dapat dibuktikan. Perkataan laungan dan jeritan jelas diatur dan dirancang oleh OKT-OKT dan membuat inferens OKT-OKT telah mengetahui perhimpunan itu menyalahi undang-undang dan oleh itu wujud satu perhimpunan yang menyalahi undang-undang pada tarikh 6 Februari 2009.

(b) memutuskan wujud tujuan bersama OKT-OKT untuk menentang perlaksanaan undang-undang.

(c) HMS khilaf bila memutuskan pihak pendakwaan tidak perlu buktikan elemen tujuan bersama kesemua OKT dengan guna pakai s 149 Kanun Keseksaan.

(d) pertuduhan cacat kerana tidak kemukakan tujuan bersama.

(e) HMS khilaf dari segi undang-undang bila tidak memutuskan s 149 merupakan '*deeming provision*' yang meletakkan beban penafian kewujudan elemen-elemen kesalahan kepada OKT-OKT. Dengan itu penggunaan s 149 tertakluk kepada prinsip pendakwaan dua kali.

(f) HMS khilaf bila memindahkan ke atas bahu OKT-OKT beban pembuktian bahawa OKT-OKT tidak mendengar arahan bersurai dan melakukan kesalahan s 145 Kanun Keseksaan sedangkan prinsip asas beban terletak atas pendakwaan sepanjang masa.

(g) HMS gagal menghalang pihak pendakwaan bergantung kepada '*deaming provision*'. Seksyen 149 sedangkan terdahulu daripada itu telahpun mengemukakan kesnya dengan bergantung kepada keterangan di bawah s 27 Akta Polis dan telahpun gagal.

(h) HMS gagal memutuskan apabila pihak pendakwaan gagal buktikan keterangan bahawa OKT bersalah di bawah s 27 Akta Polis di bawah pertuduhan pilihan, pihak pendakwaan tidak boleh beralih kepada s 145 Kanun Keseksaan dibawah pertuduhan asal.

(i) HMS gagal mengambil kira OKT-OKT kena menunjukkan mereka punyai alasan kenapa tidak dapat bersurai gagal ambil kira. Dalam kes 61

Februari 2009 OKT1 dan kes 62-7 tahun 2009 OKT1, 2 dan 3 tidak ditangkap pada tarikh kejadian sebenarnya telah bersurai seperti diarahkan.

(j) dapatan HMS bahawa OKT-OKT tidak mempunyai *nexus* atau pertalian tidak perlu dibuktikan.

(k) gagal ambil kira pembelaan OKT-OKT secara berasingan yang punyai ciri dan fakta tersendiri yang tiada kaitan dengan OKT-OKT lain.

(l) HMS khilaf memutuskan faktor masa tidak relevan tetapi mengambil kira waktu kejadian seperti pertuduhan sahaja.

(m) pihak pendakwaan gagal buktikan fakta penting tempuh masa bila mula perhimpunan 'perhimpunan haram selaras dengan s 145 dan bila tamat'. HMS khilaf memutuskan masa sebelum kejadian (sebelum 2.30 petang) relevan manakala masa selepas 3.30 petang tidak relevan. Lokasi sebenar perhimpunan gagal diputuskan.

(n) HMS gagal mengambil kira pembelaan OKT1, OKT2, OKT3, OKT4, OKT5 dan OKT6, OKT7, OKT9, yang menunaikan solat Jumaat dan tersepit dalam kesesakan orang ramai dan tidak menyertai kumpulan orang ramai untuk menentang perlaksanaan undang-undang.

KEPUTUSAN MAHKAMAH

[19] Mahkamah telah meneliti keputusan Puan HMS yang bijaksana dan menganalisa semula semua keterangan saksi-saksi yang berkait dengan dapatan fakta Puan HMS. Secara am mahkamah yang mendengar rayuan tidak akan campur tangan akan penemuan fakta oleh puan HMS melainkan jika terdapat salah arah fakta dan undang-undang (kes *Public Prosecutor v Wan Razali Kasim* [1970] 2 MLJ 79).

[20] Dalam kes ini Puan HMS telah membincangkan secara komprehensif semua elemen pertuduhan dibawah s 145 Kanun keseksaan dan pertuduhan pilihan dibawah s 27(4) Akta Polis 1967. Walau bagaimanapun diakhir kes pendakwaan, Puan HMS memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes di bawah pertuduhan pilihan tersebut atas alasan bahawa tiada keterangan siapakah pihak yang menganjurkan perhimpunan, isu permit atau kebenaran berhimpun. Mahkamah ini bersetuju dengan dapatan fakta tersebut. Justeru, rayuan ini akan menfokuskan pertuduhan di bawah s 145 Kanun Keseksaan dan asas rayuan yang dikemukakan oleh peguambela-peguambela terpelajar.

[21] Inti pati pertuduhan dibawah s 145 Kanun Keseksaan yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan adalah seperti berikut:

(a) telah menyertai perhimpunan yang menyalahi undang-undang;

(b) menentang satu proses perundangan; dan

(c) dengan mengetahui perhimpunan tersebut telah diarahkan untuk bersurai mengikut kaedah undang-undang.

Definasi perhimpunan yang menyalahi undang-undang diperuntukkan dibawah s 141 Kanun Keseksaan dengan menyatakan bahawa perhimpunan tersebut hendaklah melebihi lima orang atas tujuan bersama untuk menentang pelaksanaan mana-mana undang-undang.

[22] Bagi menentukan elemen-elemen pertuduhan di atas, mahkamah berpendapat bahawa peranan setiap OKT wajarlah diperincikan satu persatu. Adalah menjadi suatu fakta yang tidak dipertikaikan bahawa kesemua OKT berada ditempat kejadian pada tarikh dan masa sepertimana pertuduhan. Persoalannya adalah adakah kesemua OKT terlibat dalam perhimpunan haram tersebut menurut definasi s 141 Kanun Keseksaan.

[23] Secara rengkasnya, mahkamah telah meneliti keseluruhan keterangan yang berkaitan OKT1, OKT7 dan OKT9 seperti berikut:

(a) tiada secebis keterangan pun yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan berkenaan penglibatan OKT9 (Idris) dalam perhimpunan haram. Jika dirujuk alasan penghakiman Puan HMS di muka surat 75 rekod rayuan bahawa OKT sedang berlindung dibelakang pokok di atas bukit semasa SP35 menangkapnya. Alasan tangkapan hanyalah atas syak OKT9 membaling batu. Pada pendapat mahkamah inferen kebersalahan OKT9 membaling batu berdasarkan beliau meronta apabila ditangkap tidak boleh bertahan tanpa ada keterangan yang kukuh berkenaannya. Justeru mahkamah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan satu kes prima facie ke atas OKT9 dan oleh itu OKT9 dilepas dan dibebaskan.

(b) diperingkat kes pembelaan, OKT1 Meor Safizal bin Meor Mohamed Amir menyatakan selepas solat Jumaat, beliau hendak balik tetapi bertembung dengan kumpulan FRU dan orang ramai. Beliau diberitahu orang disitu bahawa ada demonstrasi bubar DUN. Kemudian OKT1 terus melangkah mengikut kaki sehinggalah terkena gas pemedih mata dan akhirnya ditangkap. OKT1 tidak mendengar apa-apa arahan bersurai. Pada frame 29, 36, 37 eksh P19C menunjukkan OKT1 sedang berada ditepi jalan sambil memerhati orang di atas jalan dan memerhati kereta-kereta pembesar. Fakta ini turut disokong oleh gambar-gambar eksh P11(12), P11(13), P11(14), P11(32) dan P11(35). Berdasarkan keterangan ini mahkamah berpendapat bahawa Puan HMS telah membuat suatu inferens yang salah apabila menyatakan bahawa tindakan

OKT1 memerhati kenderaan cukup untuk membuktikan kebersalahan OKT1 sepertimana pertuduhan dan gagal menimbulkan sebarang keraguan atas kes pendakwaan. Justeru mahkamah memutuskan melepas dan membebaskan OKT1 diakhir kes pembelaan.

(c) keterangan jelas menunjukkan bahawa pada tarikh kejadian OKT7 (Yusof bin Jaafar) tinggal berhampiran Masjid Ubudiah. Selepas solat Jumaat dan hendak balik ke rumah, perjalanannya terhalang dengan kehadiran FRU. Pada masa itu OKT7 melihat seorang lelaki mendukung seorang budak lelaki dan bertindak membantu budak lelaki tersebut dengan membuka bajunya, dibasahkan bagi menyelimut budak lelaki berkenaan. Ketika hendak mendapatkan balik bajunya, OKT7 berada di atas jalan besar dan disitu beliau ditangkap. Fakta ini telah disokong oleh eksh P19C, P21(22), (23), (25) dan (26), P13(2), (3), (4), (5), (20) dan (21) kelihatan kelibat OKT7 di atas jalan utama dan seorang budak yang dipapah oleh seseorang. Mahkamah berpendapat bahawa Puan HMS telah tersalah arah dalam dapatan faktanya apabila memutuskan bahawa pembelaan OKT7 hanyalah semata-mata penafian sedangkan eksibit-eksibit menyokong versi OKT7. Justeru mahkamah memutuskan OKT7 dilepas dan dibebaskan diakhir kes pembelaan.

[24] Selanjutnya mahkamah ini bersetuju dengan dapatan fakta Puan HMS memutuskan bahawa OKT2, OKT3, OKT4, OKT5, OKT6, OKT8, OKT10, OKT11, OKT12 dan OKT13 (semua OKT tersebut) telah gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan dan pembelaan mereka hanyalah penafian semata-mata. Justeru semua OKT tersebut didapati bersalah dan disabitkan.

[25] Melalui keterangan lisan dan gambar-gambar serta rakaman video P19C hingga P24C jelas membuktikan bahawa semua OKT tersebut yang melebihi lima orang telah terlibat daiam perhimpunan dan terus berada dalam perhimpunan itu walaupun setelah diarah untuk bersurai. Pada pendapat mahkamah, bahawa Puan HMS telah membuat dapatan fakta yang tepat berkaitan tujuan bersama semua OKT tersebut untuk menentang suatu perlaksanaan undang-undang iaitu upacara mengangkat sumpah pelantikan Menteri Besar Perak di Istana Bukit Chandan jam 3 petang.

[26] Pengertian 'tujuan bersama' bukanlah sama seperti 'niat bersama' yang memerlukan pembuktian '*pre-arrange plan*' bagi sesuatu perbuatan. Tujuan bersama membawa maksud peserta perhimpunan mempunyai objektif yang sama untuk berkumpul pada masa kejadian (rujuk kes *Fam Meng Siong & Anor v Public Prosecutor* [2012] 5 MLJ 464).

[27] Pada pendapat mahkamah, apa peranan yang dimainkan oleh seorang peserta perhimpunan tidak penting asalkan objektif mereka adalah sama iaitu

untuk menghalang perlaksanaan undang-undang atau satu proses perlaksanaan undang-undang. Definasi menghalang perlaksanaan undang-undang dijelaskan di dalam *Ratanlal & Dhirajlal's Law of Crimes* (24th Ed) pada ms 550 seperti berikut: Second clause: To resist execution of any law or legal process connotes some overt act, and mere words, when there is no intention of carrying them into effect, are not sufficient to prove on intention to resist. *The conduct of the assembly and the refusal of the members it to disperse after berring ordered to do so constitutes on overt act and establishes a common object to resist the order within the meaning of the clause*.

[28] Semua OKT tersebut telah dicamkan oleh saksi-saksi pihak pendakwaan berada di atas jalan utama bersama perhimpunan tetapi menafikan mengetahui tentang perhimpunan haram tersebut. Alasan yang diberikan oleh semua OKT tersebut berada di jalan utama dan bersama dalam perhimpunan dan terus menyertai perhimpunan setelah diarah bersurai kerana selamat berada dalam kumpulan orang ramai, mengawal keamanan, sebagai penenang, terperangkap, mengambil gambar, dan merafak sembah tidak boleh bertahan. Mahkamah bersetuju dengan dapatan fakta Puan HMS bahawa penjelasan mereka adalah tidak munasabah memandangkan alasan tersebut diikuti dengan perlakuan seperti menjerit, melaungkan takbir, merempuh, menghalang kenderaan, mengetuk kenderaan, menggenggam penumbuk, bersikap agresif dan mencangkung dihadapan kereta. Ditambah lagi mereka membawa sepanduk, bendera, banner, kain rentang, garam, kamera, walkie-talkie, pelilit kepala yang menunjukkan mereka telah membuat persediaan untuk menyertai perhimpunan tersebut (rujuk kes *Francis & Anor v Public Prosecutor* [1960] 1 MLJ 40; [1959] 1 LNS 28.

[29] Mahkamah berpendapat bahawa pihak pendakwaan tidak perlu bergantung kepada s 149 Kanun Keseksaan bagi membuktikan kesnya dibawah s 145 Kanun yang sama. Ini kerana s 145 Kanun Keseksaan merupakan suatu peruntukan kesalahan tersendiri seperti juga s 143 Kanun Keseksaan. Salah satu elemen s 145 Kanun Keseksaan adalah menyertai atau terus menyertai suatu perhimpunan yang menyalahi undang-undang walaupun telah diarah bersurai.

Seksyen 149 Kanun Keseksaan diguna pakai sekiranya di dalam perhimpunan tersebut berlaku satu kesalahan jenayah lain oleh mana-mana peserta perhimpunan berkenaan (rujuk *Ratanlal 7 Dhirajlal's Law of Crime* (24th Ed) ms 582).

[30] Peguambela terpelajar semua OKT tersebut telah membangkitkan isu pertuduhan cacat kerana gagal memperincikan 'tujuan bersama'. Pada pendapat mahkamah, asas membuat pertuduhan dengan jelas telah dinyatakan dibawah s 156 Kanun Tatacara Jenayah dan diputuskan oleh Mahkamah

Persekutuan dalam kes *Gunalan a/l Ramachandran & Ors v Public Prosecutor* [2006] 2 MLJ 197. Isu 'tujuan bersama' walaupun tiada dalam pertuduhan adalah dalam pengetahuan para peguam sepertimana dapat ditunjukkan dalam sesi soal balas dan penghujahan diperingkat kes pendakwaan dan pembelaan. Jika pun wujud kesilapan ianya boleh diperbetulkan di bawah s 422 Kanun Tatacara Jenayah.

[31] Tugas pihak pembelaan hanya perlu menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan (rujuk kes *Shanmugam v PP* [1963] 1 MLJ 125; [1962] 1 LNS 186, *Public Prosecutor v Saimin & Ors* [1971] 2 MLJ 16; [1971] 1 LNS 115, *Public Prosecutor v Chong Boo See* [1988] 3 MLJ 292; [1988] 2 CLJ 206. Mengguna pakai prinsip dalam kes-kes di atas, mahkamah berpendapat bahawa semua OKT tersebut telah gagal menimbulkan sebarang keraguan munasabah ke atas pertuduhan yang dihadapkan kepada mereka. Justeru dapatan bersalah dan disabitkan oleh puan HMS adalah tepat. Dengan itu rayuan atas sabitan ke atas semua OKT tersebut ditolak.

HUKUMAN

[32] Hujahan peguambela-peguambela terpelajar bagi meringankan hukuman bolehlah diringkaskan seperti berikut:

(a) semua OKT tidak sepatutnya dikenakan hukuman yang berat dan maksima jika Puan HMS mengambil kira niat parlimen menetapkan sesuatu hukuman;

(b) OKT, Suhana bt Abdullah dalam kes 62-7 tahun 2009 merupakan seorang ibu tunggal mempunyai tiga orang anak. Salah seorang anaknya bernama Hamimatul Quraishah bt Ahmad Shawal mengidap sakit mental. Beliau perlu rawatan di hospital dan hanya OKT sahaja tempat anak tersebut bergantung. Dikemukakan laporan perubatan anak.

(c) Isha Riduan berumur 60 tahun. Bekas anggota Tentera Laut DiRaja Malaysia. Seorang pengidap kanser *tyroid* seperti dua laporan perubatan Hospital Manjung yang dikemukakan. Mempunyai seorang isteri dan dua anak.

(d) OKT, Hj Muhammad Ismail bin Hj SM Kadir berumur 48 tahun. Bekerja sebagai peniaga pasar. Menanggung ahli keluarga dengan pendapatan RM1,000 sebulan. Menghidapi penyakit *acute coronary syndrome* seperti di laporan perubatan Hospital Kuala Kangsar. Memelihara seorang ibu berumur 79 tahun, mengidap penyakit *chronic lung* yang bergantung kepada bantuan pernafasan. OKT perlu menjaga ibunya. Mempunyai dua orang anak berumur 8 dan 9 tahun yang mengidap penyakit *athma* seperti dinyatakan dalam laporan perubatan Hospital Kuala Kangsar.

(e) OKT, Mohd Faiz bin Mohd Arshad, berumur 27 tahun bekerja sebagai planner dalam syarikat motivasi. Berpendapatan RM1,000 sebulan. Sudah berkahwin dan mempunyai seorang anak. Telah menyesal dan berjanji tidak akan menyertai mana-mana perhimpunan. Pohon denda sahaja.

(f) OKT, Zulhaizam bin Zulkefli, berumur 30 tahun, bekerja sendiri dengan pendapatan RM1,000 sebulan. Mempunyai isteri dan dua anak. Pohon tidak dikenakan penjara.

(g) OKT, Bad Latif bin Mansor, berumur 48 tahun. Telah diberhentikan kerja. Menanggung isteri dan empat orang anak. Telah menyesal dan berjanji tidak akan mengulanginya lagi.

(h) OKT, Adi Hilme bin Mohd Nasir berumur 45 tahun, bekerja sebagai penyelia di kilang. Mempunyai isteri dan lima orang anak. Telah menyesal atas apa yang berlaku dan pohon denda minima.

(i) OKT, Khairul Azmi bin Hassan Basri berumur 49 tahun. Bekas kakitangan kerajaan. Mencari nafkah menjadi tukang rumah dengan pendapatan RM1,000 sebulan. Mempunyai dua isteri dan lapan anak. Menyesal atas apa yang berlaku dan pohon denda minima.

(j) OKT, Mohd Hasri bin Ismail, berumur 40 tahun. Bertugas sebagai seorang guru DG41. Telah digantung kerja. Mempunyai isteri dan enam orang anak. Sekarang berniaga sendiri dengan pendapatan RM1,500 sebulan. Pohon diberi peluang kembali bertugas sebagai guru.

(k) OKT, Mohd Nazeer bin MKM Hameed berumur 58 tahun. Mempunyai isteri dan tiga anak. Menanggung tiga anak yang masih menuntut di universiti. Bekas anggota polis yang telah berkhidmat selama 19 tahun. Kehilangan punca pendapatan bila kontrak perniagaan digantung. Juga wang pencen polis akan dilucutkan jika dikenakan hukuman penjara. Telah insaf dan pohon hukuman denda.

[33] Timbalan pendakwa raya terpelajar berhujah bahawa Puan HMS telah mempertimbangkan kepentingan awam sebelum menjatuhkan hukuman dua tahun penjara dan denda RM5,000 setiap OKT. Kes ini mengambil masa empat tahun untuk selesai. Justeru hukuman yang dijatuhkan akan menjadi pengajaran bukan sahaja kepada semua OKT malah kepada bakal pelaku. Hukuman denda sahaja tidak memberi apa-apa pengajaran. Puan HMS tidak silap dari prinsip hukuman setelah mengambilkira kepentingan awam mengatasi kepentingan peribadi OKT. Oleh itu memohon hukuman penjara dan denda dikekalkan.

[34] Menurut rekod mahkamah, semasa puan HMS menjatuhkan hukuman kesemua OKT telah dilarang melibatkan diri dengan sebarang

perhimpunan. Mahkamah dapati larangan tersebut telah dipatuhi. Kesemua OKT juga telah menjalani hukuman selama enam hari penjara sebelum dilepaskan dengan jaminan sementara menunggu keputusan rayuan di Mahkamah Tinggi.

[35] Mahkamah telah mempertimbangkan hujahan meringankan hukuman oleh peguambela-peguambela terpelajar dan hujahan memberatkan hukuman oleh timbalan pendakwa raya terpelajar.

[36] Seksyen 183 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') menyatakan apabila seseorang itu disabitkan, maka mahkamah hendaklah menjatuhkan hukuman menurut undang-undang. Perkataan '*pass sentence according to law*' telah banyak dihuraikan dalam kes-kes terdahulu, contohnya, kes *Public Prosecutor v Jafa bin Daud* [1981] 1 MLJ 315 yang menyatakan '*means that sentence is passed according to the punishable section and is to be assessed with established judicial principle*'. Prinsip-prinsip hukuman juga telah digariskan dalam kes klasik *R v Ball* Crim LR 730 yang antara lain menghendaki mahkamah menimbang latar belakang, antecedents dan karakter setiap pesalah sebelum menjatuhkan sesuatu hukuman. Dalam erti kata lain mitigasi adalah penting untuk membantu mahkamah mencapai sesuatu keputusan mengenai bentuk hukuman.

[37] Seksyen 145 Kanun Keseksaan menggunakan perkataan '*shall be punished with imprisonment for a term which may extend to two years or with fine or with both*'.

Dalam kes *Public Prosecutor v Lim Hong Chin* [1993] 3 MLJ 376 dinyatakan:

> *The wording shall be punished give the courts a discretion to impose imprisonment or fine or both and does not prevent the court from making a binding over under s 294 of the CPC.*

Justeru, mahkamah mempunyai budi bicara sama ada hendak menjatuhkan hukuman penjara atau denda atau kedua-duanya atau mengenakan ikatan jamin dibawah s 294 Tatacara Jenayah.

[38] Dalam kes ini semua 10 OKT merupakan pesalah pertama. Tiga mengalami masalah kesihatan dan seorang lagi menjaga anak yang mengalami sakit mental. Sementara yang lain-lainnya telah kehilangan kerja dan kontrak perniagaan. Semua OKT masing-masing mempunyai tanggungan dan merupakan '*sole breadwinner*' kepada keluarga.

[39] Mahakamah bersetuju dengan hujahan timbalan pendakwa raya terpelajar bahawa inti pati yang penting bukan kerana 10 OKT tersebut

terlibat dalam perhimpunan yang menyalahi undang-undang tetapi mereka menentang perlaksanaan undang-undang. Hak kebebasan bersuara bukanlah hak yang mutlak diberikan dibawah perkara 10(b) Perlembagaan Malaysia tetapi ianya tertakluk kepada undang-undang yang sedia ada.

[40] Walau bagaimanapun mahkamah berpendapat, berdasarkan fakta mitigasi semua OKT, kepentingan awam seharusnya diimbangi dengan kepentingan setiap OKT. Dalam ertikata lain kepentingan awam bukanlah menghendaki setiap OKT yang melakukan kesalahan dihukum penjara sebaliknya ia hendaklah bergantung kepada fakta dan keseriusan sesuatu kes.

Dalam kes *Leken @ Delem ak Gerik (M) v Public Prosecutor* [2007] 3 MLJ 730; [2007] 3 AMR 230 dinyatakan:

> *I must emphasise that public interest, though important consideration initself, cannot be the sole criterion in assessing sentence, there are other considerations which must be dealt with before the sentence can be said to have passed according to law.*

[41] Mahkamah telah mempertimbangkan fakta dan berpendapat bahawa perhimpunan yang menyalahi undang-undang tersebut bukan sahaja disertai oleh semua OKT tetapi juga lebih daripada 1,000 orang lain terlibat. Tiada secebis keterangan pun menunjukkan bahawa semua OKT melakukan keganasan atau menyebabkan kerosakan harta awam. Mengambil kira semua faktor di atas mahkamah memutuskan untuk mengetepikan hukuman dua tahun penjara tetapi mengekalkan hukuman denda yang dijatuhkan oleh Puan HMS.

Rayuan terhadap hukuman dibenarkan dan rayuan diketepikan.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor